

Masyarakat Jepun wujud peluang pekerja tempatan belajar teknologi

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, kehadiran sebilangan besar masyarakat Jepun yang bekerja di sini memberi peluang kepada pekerja tempatan mempelajari cara pengurusan dan teknologi tinggi negara itu.

Katanya, pembukaan kilang-kilang oleh pelabur Jepun di negara ini pula menyediakan banyak peluang

pekerjaan kepada golongan belia termasuk pelajar-pelajar Malaysia yang pernah menuntut di Jepun.

"Di samping itu, rakyat Malaysia dapat berinteraksi dan bergaul dengan keluarga Jepun yang bermastautin di sini.

"Dengan cara ini, masyarakat Malaysia dan Jepun berpeluang bertukar-tukar pendapat dan mengenal dari dekat adat resam dan kebuda-

yaan masing-masing," katanya di majlis perasmian *The Close-Up of Japan* (Jepun Dari Dekat), Kuala Lumpur 1991 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sejak Dasar Pandang Ke Timur dilancarkan, kebudayaan Jepun termasuk nilai hidup rakyatnya tidak lagi asing kepada masyarakat Malaysia.

Katanya, wanita Malaysia

kini pandai mengatur dan mengubah bunga mengikut cara *ikebana*, melipat kertas cara origami, gemar makanan Jepun dan suka mengikuti siri Jepun di televisyen seperti *Oshin*.

"Golongan lelaki pula gemar menggunakan kereta buatan Jepun, suka melihat gusti Sumo dan siri televisyen seperti *Shogun* dan filem yang mengandungi cerita *Ninja* dan *Samurai*," katanya.